

12 MAY 2000

UMNO : PERBAHASAN UCAPAN PRESIDEN DISAMBUNG

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno menyambung perbahasan usul ucapan dasar presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila persidangan hari kedua bermula pagi ini di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra.

Wakil-wakil dari lapan negeri lagi akan membahaskan usul itu, yang dibentangkan semalam oleh wakil dari Johor dan disokong oleh pergerakan Pemuda Umno.

Pengerusi Tetap Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, yang memulakan persidangan pada pukul 8.30 pagi, berharap perbahasan usul itu dapat ditamatkan pagi ini bagi membolehkan usul agama dibentangkan petang ini.

Beliau juga mengumumkan sekali lagi senarai penuh Majlis Tertinggi Umno untuk tempoh 2000/2003 selepas pemilihan dibuat oleh perwakilan semalam.

Datuk Seri Najib Razak dan Tan Sri Muhammad Muhamad Taib berjaya mempertahankan jawatan naib presiden manakala Tan Sri Muhyiddin Yassin kembali mendapat tempat dalam perebutan untuk tiga kerusi berkenaan yang ditandingi sembilan calon.

Pemilihan jawatan itu menjadi tumpuan setelah Dr Mahathir dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing dipilih tanpa bertanding untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno.

Sulaiman, yang turut dipilih tanpa bertanding, juga mengumumkan senarai 25 anggota Majlis Tertinggi yang menampilkan antara lain empat menteri, dua menteri besar dan seorang ketua menteri.

Perhimpunan agung itu akan membahaskan usul ekonomi pada hari ketiga dan terakhir esok.

-- BERNAMA

azz mai